

# BAB I

## Pendahuluan

### Pengenalan Kajian

Thailand membahagikan sistem pentadbiran pemerintahan kepada wilayah (Province ). Setiap wilayah mempunyai governor yang menjalankan kuasa pentadbiran di dalam wilayahnya. Wilayah-wilayah tersebut berbeza dari segi latarbelakang, sejarah, sosio-budaya dan sebagainya. Walaupun majoriti penduduk Thailand adalah keturunan Thai, tetapi negara itu mempunyai penduduk berbilang keturunan. Penduduk minoriti adalah penduduk keturunan Melayu, Khmer, Cina, penduduk bukit ( Hill tribe ) dan sebagainya ( Banphot Virasai,1981: 286 ). Penduduk keturunan Melayu dan Khmer adalah penduduk majoriti dalam wilayah-wilayah yang didiami mereka, tetapi kedua-dua penduduk keturunan tersebut dikira penduduk minoriti di peringkat nasional. Penduduk keturunan Khmer mendiami 3 wilayah yang bersempadan dengan negeri Kampuchea. Wilayah-wilayah tersebut ialah Wilayah Sri Saket, Buriram dan Surin. Walaupun penduduk keturunan Khmer dan penduduk keturunan Thai berlainan bangsa, bahasa pertuturan dan budaya, tetapi menganut agama yang sama iaitu agama Buddha. Keadaan ini berlainan dengan penduduk keturunan Melayu yang mendiami wilayah-wilayah di Selatan Thailand. Wilayah –wilayah yang bersempadan dengan Malaysia seperti Wilayah Pattani. Yala, Narathiwat, Setul dan Songkhla.

Masalah perbezaan kebudayaan adalah masalah asas sehingga telah menjadi masalah keselamatan negara. Untuk mengatasi masalah ini beberapa negara

telah menjalankan dasar asimilasi untuk menyatukan penduduk yang mempunyai kebudayaan yang berbeza seperti dasar Vietnamisasi di Kampuchea dan dasar Siamisasi terhadap penduduk minoriti di Thailand.<sup>1</sup>

Kerajaan Thailand telah menjalankan dasar Siamisasi sehingga berjaya menyerapkan kebudayaan keturunan Thai ke atas keturunan Cina secara menyeluruh, tetapi dasar ini tidak dapat mengubah masyarakat Melayu secara menyeluruh. Proses dari dasar Siamisasi ini dapat di kesan ke atas masyarakat Melayu apabila jatidiri Melayu bagi penduduk Melayu telah terjejas.

Kajian proses dasar Siamisasi oleh kerajaan Thailand ini dilakukan di sebuah perkampungan Melayu di Kampung Duku. Kampung tersebut terletak di dalam mukim Bachok, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat ( Menara ), Selatan Thailand. Pemilihan kampung ini adalah berdasarkan kesan sejarah yang terdapat di sini. Suatu masa dahulu ada kota lama Raja Melayu yang pernah memerintah sekitar Daerah Bachok. Di kampung ini juga mempunyai sebuah pondok tempat pengajian agama Islam yang tersyuhur bukan sahaja di kawasan sekitarnya, malah sampai ke negeri Kelantan. Kampung ini di masa lampau boleh dianggap sebagai suatu kampung yang berusaha mempertahankan kebudayaan Melayu dan Islam. Dengan dasar Siamisasi kerajaan Thailand menyebabkan penduduk kampung tersebut terpaksa mengubahsuai diri mereka mengikut apa yang dirancang oleh kerajaan Thailand sehingga menjejaskan jatidiri Melayu mereka. Proses dasar Siamisasi ini berlaku dengan secara langsung dan tidak langsung.

---

1. Kan Sang khammankhong thamklang kham laklai tang wattanatham, Majlis Keselamatan Negara Thailand, Muka 2 t.t.

## **Rangka Teori**

### Ringkasan rangka teori

Dalam kajian terhadap pengaruh kebudayaan kelompok majoriti ke atas cara hidup kelompok minoriti ini, kita menggunakan rangka teori pusingan perhubungan ras. Di sini konsep kelompok minoriti dan kelompok majoriti perlu diterangkan terlebih dahulu. Wan Kadir Che Man (1990) telah membahagikan Kelompok minoriti kepada 3 kategori seperti berikut:

Pertama, kelompok minoriti pendatang. Biasanya berpunca dari dasar pemburuan di zaman penjajah ataupun pemindahan yang berpunca dari ekonomi. Kelompok minoriti dalam kategori ini seperti kaum kulit hitam di Amerika Syarikat, kaum Cina dan India di Malaysia, kaum Afrika di Guyana, kaum Melayu di Sri Lanka, kaum Melayu/Jawa di Suriname, kaum Melayu di Afrika Selatan dan kaum yang berasal dari rantau Asia seperti kaum Filipina, kaum Thai, kaum Jepun dan kaum Korea di Amerika Syarikat.

Kedua, Kelompok minoriti asal peribumi. Kelompok ini wujud kerana kaum lain atau berpunca dari penjajah yang menyebabkan kelompok ini menjadi kaum minoriti di buminya sendiri. Louis Wirth (1945) telah menyatakan kelompok ini terdiri dari kaum Red Indian di Amerika Syarikat, kaum Aborigines di Australia, kaum Inuit di Kanada.

Ketiga, Kelompok minoriti etnik yang terjadi dari penyerapan atau penggabungan kawasan mereka ke dalam pentadbiran kerajaan pusat baik dengan kerelaan ataupun paksaan. Wan Kadir Che Man (1990) menjelaskan bahawa kelompok ini terdiri dari

kaum Basques di Sepanyol, kaum Breton di Perancis, kaum Perancis di Quebec (kanada), kaum Karen dan kaum Shan di Myanmar, begitu juga dengan kaum Melayu di Pulau Kokos (Australia), kaum Melayu di Selatan Thailand dan Selatan Filipina.

Milton M. Gordon (1964:66) memberi penjelasan mengenai asimilasi iaitu kelompok minoriti menerima kebudayaan kelompok majoriti dengan proses yang menyebabkan kelompok yang berbeza ras dan mempunyai kebudayaan berbeza serta mendiami kawasan yang sama telah menyatukan di antara mereka kepada kebudayaan yang sama. John F. Cuber (1952:66) menjelaskan asimilasi adalah proses penghapusan jarak kebudayaan yang berbeza. Banphot Wirasai (1971:36) memberi penjelasan mengenai satu kelompok menerima kebudayaan dari satu kelompok lain dengan secara tidak disedari atau *Unconscious Learning* seperti keturunan Cina dan sebahagian keturunan Melayu yang menggunakan bahasa Thai sebahagai bahasa harian di masa kini.

Mengikut Robert E. Park (1950), apabila berlaku pertembungan terhadap beberapa kelompok ras, ia tidak dapat mengelakkan diri daripada persaingan yang kemudiannya menghasilkan konflik. Untuk mengelakkan dan mengurangkan pertelingkahan dari konflik tersebut maka masing-masing kelompok membuat penyesuaian yang akhirnya berlaku asimilasi.

E. S. Bogardus (1930:613) telah mengemukakan tujuh peringkat dalam proses pembudayaan seperti berikut:

1. Curiosity

2. Economic Welcome
3. Industrial and Social antagonism
4. Legislative antagonism
5. Fair play tendencies
6. Quiescence
7. Second generation difficulties

W. O. Brown (1934:34-37) mengemukakan perhubungan ras bahawa terdapat enam peringkat seperti berikut:

1. Initial contact
2. Emergence of conflict
3. Temporary accommodation
4. Struggle for the status
5. Mobilisation
6. Solution

Richard A. Schermerhorn (1964:238-246) telah mengemukakan beberapa faktor atau pembolehan yang memberi kesan kepada proses asimilasi seperti berikut:

1. Sama ada sistem nilai antara kelompok yang bertembung itu boleh disesuaikan atau tidak,
2. Sama ada kelompok tempatan mempunyai kuasa yang lebih kuat daripada kelompok imigran atau sebaliknya,
3. Sama ada kuasa itu sah atau tidak.

Terdapat kelemahan teori pusingan perhubungan ras yang telah disebutkan menyebabkan teori ini diubahsuaikan. Oleh itu wujudlah teori Tripologi yang menganggap bahawa kerencaman ( Complexity ) perhubungan antara kelompok minoriti dengan kelompok majoriti boleh menghasilkan beberapa kategori atau jenis kelompok minoriti.<sup>2</sup> Louis Wirth (1945) telah membahagikan kelompok minoriti kepada 4 jenis iaitu:

1.Majmuk adalah kelompok minoriti yang mencari tolak ansur daripada kelompok majoriti terhadap perbezaan-perbezaan kebudayaan. Oleh itu semua bentuk kebudayaan boleh bertembung secara aman dalam masyarakat yang sama.

2.Berasimilasi adalah kelompok minoriti yang bersedia menghilangkan corak kebudayaan asal mereka demi untuk mendapatkan persamaan kebudayaan dengan kelompok majoriti.

3.Beralih-ganti adalah kelompok minoriti yang bercita-cita dan cuba untuk hidup bebas daripada kelompok majoriti.

4.Kelompok militan adalah kelompok minoriti yang bukan sahaja cuba bebas daripada kelompok majoriti tetapi juga cuba menguasai kelompok majoriti tersebut.

Kelompok minoriti kedua mengikut penjenisan Louis Wirth ialah kelompok berasimilasi yang mengambil kesempatan sepenuhnya untuk terlibat dalam kehidupan

---

<sup>2</sup> Hanapi Dollah, Asimilasi Budaya : Kajian kes komuniti Cina di Kelantan, Penerbit UKM: Bangi 1987 muka 16-17

masyarakat majoriti yang lebih besar. Louis Wirth telah menekankan bahawa faktor tolak ansur dan autonomi adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penggabungan kelompok minoriti ke dalam kelompok majoriti.

Daripada rangka teori di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kelompok minoriti menunjukkan reaksi yang berbagai-bagai dalam pusingan perhubungan ras dengan kelompok majoriti. Penjelasan yang telah dibuat oleh Louis Wirth di atas, kelompok berasimilasi adalah kelompok yang bergerak ke arah penerimaan sepenuhnya kelompok majoriti. Penerimaan sepenuhnya ditentukan oleh faktor tolak ansur dan autonomi kelompok minoriti.

Konsepsi Louis Wirth mengenai kelompok berasimilasi akan digunakan dalam kajian ini mengenai dasar Siamisasi terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand khususnya di Kampung Duku, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat untuk mengetahui sejauh manakah jitu teori yang telah dikemukakan oleh Louis Wirth mengenai kelompok berasimilasi.

Di Selatan Thailand kelompok berasimilasi boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu:

1. Kelompok yang telah disiamkan atau diasimilasikan iaitu masyarakat Melayu yang telah mengamalkan kebudayaan Thai seperti pakaian, bahasa, pemikiran dan sebagainya kecuali dari segi anutan agama di mana mereka masih menganuti agama Islam.<sup>3</sup> Kelompok ini terdapat di beberapa wilayah-wilayah di Selatan Thailand dan

<sup>3</sup> Terdapat masyarakat Melayu dari kelompok ini di Selatan Thailand yang berpindah menetap di utara Semenanjung.

sekitar Kota Bangkok. Kelompok ini telah dijelaskan oleh Raymond Scupin (1978:59) seperti berikut:

*“ The most part these muslim of Bangkok consider themselves ethnically and culturally as “Thai”*

2. Kelompok yang sedang disiamkan atau diasimilasikan iaitu masyarakat Melayu yang telah menerima beberapa amalan kebudayaan Thai dengan secara tidak menyeluruh.

Kelompok inilah yang akan menjadi sasaran dalam kajian ini khususnya kesan dari penerimaan kebudayaan Thai dari dasar Siamisasi di Kampung Duku, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat.

### **Penyelidikan yang berkaitan dengan kajian**

Selatan Thailand adalah sebuah kawasan yang sangat menarik bagi seseorang pengkaji. Terdapat beberapa kajian tentang masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Pengkaji-pengkaji tersebut terdiri dari pengkaji-pengkaji tempatan dan asing. Mengikut Piyant Bunnag<sup>4</sup> terdapat lebih dari 200 kajian dalam berbagai bidang mengenai masyarakat Melayu di Selatan Thailand.

Walaupun begitu mereka masih mengamalkan bahasa Thai sebagai bahasa harian mereka seperti terdapat di Kampung Bukit Payong, Kampung Kubur Panjang dalam Daerah Pokok Sena dan Kampung Parit Panjang dalam Daerah Baling, Negeri Kedah.

<sup>4</sup> Piyant Bunnag, *Nayobai kan pokkhrong khong rattaban Thai to Chao Muslim nai Changwad Chaidaeen Pak Tai 1932-1976*, Chulalongkorn University, Bangkok, 1990



Satu contoh kajian yang menarik pada tahun 1970-an ialah mengenai masalah politik dan sosio-budaya yang bertajuk “ *Panha Kwam khad yaeng nai si Changwad pak Tai ( Masalah konflik dalam 4 Wilayah di Selatan Thailand)*”. Penulis ialah Dr. Harun @ Arong Suthasat, seorang pensyarah Melayu dari Universiti Chulalongkorn, Bangkok. Dalam kajiannya, beliau telah memberi gambaran yang jelas tentang punca masalah di Selatan Thailand. Beliau turut menjelaskan bagaimana faktor sejarah dan kebudayaan Melayu yang berbeza dari penduduk Thai telah menimbulkan masalah. Masyarakat Melayu telah ditekankan oleh kerajaan Thailand sehingga berlaku konfliknya di Selatan Thailand.

Selain itu terdapat sebuah lagi kajian bertajuk “ *Wikrok Khwam Khad Yaeng rawang rattaban Thai kab Muslim nai Prates : Korani suksa klum Muslim nai khet Changwad Chaidan pak Tai ( Menganalisa konflik di antara kerajaan Thailand dengan kelompok Muslim dalam Negara : Satu kajian kes kelompok Muslim di kawasan wilayah Selatan Thailand)*”. Kajian ini ditulis oleh Prof. Dr. Imron Malulim, seorang bekas pensyarah Melayu di Universiti Kasetsart, Bangkok yang kini menjadi senator mewakili Kota Bangkok. Dalam kajiannya, beliau menganalisis masalah di wilayah – wilayah Melayu di Selatan Thailand berdasarkan faktor-faktor masalah kebudayaan, bahasa, etnik, pendidikan dan memberi gambaran masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Setelah dasar Siamisasi dijalankan oleh kerajaan serta tentangan masyarakat Melayu terhadap dasar Siamisasi itu.

Selain itu terdapat beberapa tesis dalam bahasa Thai dan Inggeris dalam bidang sosio-budaya yang berkaitan dengan kajian ini. Pertamanya, Tesis Ph.D. yang diajukan di Universiti Malaya pada tahun 1999. Tesis ini ditulis oleh Sdr. Ahmad

Idris @Worawit Baru berjudul “*Dasar Kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di Negara Thai*”. Sdr. Ahmad Idris menggambarkan kesan dari dasar Siamisasi yang dijalankan oleh kerajaan Thailand ke atas masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Hasil penyelidikan ini mendapati penuturan bahasa Melayu di kalangan penduduk Melayu di Selatan Thailand berada dalam keadaan merosot.

Manakala Tesis kedua, berjudul “*Politik dan reaksi masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand (1932-1994)*”. Tesis Ph. D. ini ditulis oleh Sdr. Ahmad Omar Chapakia yang di ajukan di Universiti Malaya pada tahun 1997. Beliau telah menyelidik tentang politik yang menyebabkan berlaku perubahan termasuk dalam bidang sopsio-budaya di kalangan masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand.

Tesis ketiga berjudul “*Islam and Malay Nationalism : A case study of the Malay Muslim of Southern Thailand*”. Tesis Ph.D. ini diajukan di Universiti Harvard pada tahun 1982 oleh Sdr. Surin Pitsuwan @ Haji Abdul Halim Bin Haji Ismail, bekas pensyarah Melayu di Universiti Thammasart, Bangkok dan kini menjadi Wakil Rakyat wilayah Legor. Penyelidikan ini turut membincangkan bagaimana masyarakat Melayu berjuang untuk mendapat kuasa di bidang sosio-budaya dan agama.

Manakala Tesis keempat berjudul “*Muslim Separatism : The Moro of Southern Philippines and The Malays of Southern Thailand*”. Tesis Ph.D. ini diajukan di National Australian University pada tahun 1988. Kajian ini dibuat dalam bentuk perbandingan antara perjuangan Moro terhadap dasar Filipinisasi di Selatan Filipina

dan perjuangan masyarakat Melayu terhadap dasar Siamisasi di Selatan Thailand termasuk bidang sosio-budayanya.

Terdapat beberapa kajian yang ditulis oleh penduduk Thai yang beragama Buddha. Pertamanya, Tesis M.A. yang berjudul “*Kan Pasom klom kleun chao Thai Muslim na: Changwad chaidan pak Tai (Assimilation policy on Malay-Muslims in Thailand)*” yang ditulis oleh Songkhram Cheunphibal. Tesis ini diajukan di Universiti Chulalongkorn, Bangkok pada tahun 1974. Dalam tesisnya Songkhram Cheunphibal menyatakan masalah di Selatan Thailand berada pada tahap kritikal. Faktor ekonomi, sosial dan kebudayaan menyebabkan masalah ini berlaku kerana masyarakat Melayu adalah masyarakat tertutup (*Closed Society*). Situasi seperti ini menguntungkan gerakan pembebasan Melayu di Selatan Thailand oleh itu dasar Siamisasi perlu diwujudkan oleh pihak kerajaan. Dasar Siamisasi dapat menyelesaikan masalah dan menghapuskan jarak perbezaan di antara kerajaan dengan masyarakat setempat. Beliau merumuskan bahawa dasar Siamisasi perlu dijalankan secara bertolak ansur dan ia akan berjaya menyerapkan kebudayaan Thai ke dalam masyarakat Melayu. Dasar ini mesti disalurkan dari pihak pentadbiran kerajaan pusat seperti kabinet kerajaan dan parlimen. Faktor asas kepercayaan agama Islam dan cara hidup penduduk Melayu serta faktor dari luar negara (Malaysia) telah melambatkan proses Siamisasi secara menyeluruh.

Kajian kedua, berjudul “*Education and Ethnic Nationalism: A case study of ethnic Malays in Southern Siam*” Tesis Ph. D. ini ditulis oleh Uthai Dulyakasem yang diajukan di Universiti Stanford pada tahun 1981. Beliau menjelaskan peranan

sistem pendidikan kerajaan dalam proses Siamisasi di samping bagaimana dasar tersebut dijalankan.

Manakala Kajian ketiga, Tesis Ph. D. berjudul "*Thai-Muslim in Bangkok : Islam and Modernisation in Buddhist Society*". Tesis ini ditulis oleh Raymond Scupin dan diajukan di University of California, Santa Barbara pada tahun 1978. Beliau menggambarkan dasar Siamisasi yang dijalankan terhadap kelompok minoriti termasuk masyarakat Melayu. Proses dasar tersebut telah berjaya mengubah fikiran kelompok Melayu di Bangkok sehingga mereka menganggap diri mereka dari segi ras dan kebudayaan sebagai keturunan Thai.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini terdapat beberapa tahap yang perlu dicapai sebagai matlamat kajian. Kajian ini bertujuan seperti berikut:

Pertama, kajian ini mengkaji secara mendalam proses Siamisasi di wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand.

Kedua, kajian ini bertujuan untuk mengkaji punca-punca perubahan terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand melalui konteks sejarah, sosio-budaya dan pendidikan.

Ketiga, kajian ini mengkaji kesan dari dasar Siamisasi ke atas masyarakat Melayu di Selatan Thailand khususnya di Kampung Duku, Daerah Bachok, Wilayah Naratyhiwas.

Keempat, untuk memberi sumbangan ilmiah kepada pihak yang berkenaan dalam mencapai matlamat perancangan dasar terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand.

### **Metodologi Kajian**

1. Penyelidikan dokumentari dengan mencari dan merujuk bahan-bahan sejarah dan maklumat yang dapat membantu dalam kajian. Sumber rujukan termasuk perpustakaan di Thailand seperti di Universiti Thaksin, Prince of Songkhla University, National Library Bangkok, National Archives, Bangkok. Perpustakaan di Malaysia seperti di Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan serta sumber rujukan dari beberapa jabatan-jabatan kerajaan di Selatan Thailand.

2. Membuat kajian secara am terhadap wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand dan secara khusus ke atas Kampung Duku, Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat.

3. Membuat pemerhatian ( Observation ) secara beramah mesra dengan penduduk Kampung Duku untuk mengenali dengan lebih dekat lagi mengenai cara hidup dan budaya mereka yang berubah mengikut proses Siamisasi

4. Menemubual orang-orang perseorangan yang dapat membantu dalam mencari maklumat. Segalanya dirakam ke dalam pita kaset dan dicatat ke dalam buku catatan untuk tujuan rujukan serta mengambil foto orang-orang yang telah ditemubual serta dan tempat-tempat yang berkaitan dengan kajian.

5.Membuat pemerhatian ( Observation ) secara mendalam terhadap pembelajaran di sekolah-sekolah dalam kawasan kajian seperti Sekolah Rendah Ban Duku dan Sekolah Agama Rakyat , Maahad Al-Islahuddini.

6.Membuat soal-selidik secara kesimpelan berperingkat terhadap guru-guru Melayu di sekolah – sekolah rendah kerajaan seluruh Daerah Bachok dan terhadap pelajar-pelajar di sekolah agama rakyat tersebut. .

7.Mengkaji, menganalisis serta membuat kesimpulan berdasarkan maklumat-maklumat yang didapati melalui kajian dan juga sumber rujukan.

### **Hipotesis**

Semasa pengkaji sedang menjalankan kajian ini beberapa hipotesis telah menjadi pegangan pengkaji. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

1.Kerajaan Thailand telah dan sedang menjalankan dasar Siamisasi sehingga masyarakat Melayu di Selatan Thailand tidak dapat mempertahankan jatidiri kemelayuan mereka di masa akan datang.

2.Pendidikan kurikulum kerajaan Thailand dan media massa Thailand memainkan peranan penting dalam menjayakan dasar Siamisasi terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand.

3. Situasi penghidupan jiwara kemelayuan dan penggunaan bahasa Melayu dari segi percakapan, pembacaan dan penulisan adalah semakin merosot.

4. Kerajaan telah menjalankan dasar Siamisasi terhadap masyarakat Melayu di Selatan Thailand secara langsung dan secara tidak langsung serta berterusan.